



# **MAJLIS JAMUAN TAHUNAN RISDA 2009**

## **TALKING POINTS**

### **YG. BHG TAN SRI RAHIM BIN TAMBY CHIK PENGERUSI RISDA**

AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,  
IBU PEJABAT RISDA  
6 JANUARI 2010  
8.30 MALAM

Yang Berusaha Saudara dan Saudari Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan  
Ketua Pengarah RISDA serta Yg. Bhg. Datin Zaimah bt Zakaria

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta Yg Bhg. Datin  
Leeza bt Laili

Yang Berbahagia Dato' Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) merangkap  
Pengerusi J/Kuasa Induk Majlis Jamuan Tahunan RISDA 2009  
serta Yg. Bhg Datin Rafiah bt Mustafa

Pengarah-Pengarah Bahagian serta pasangan

Pengurus-Pengurus Anak Syarikat serta pasangan

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri serta pasangan

Serta semua warga RISDA bersama suami atau isteri

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Jamuan Tahunan RISDA 2009. Setelah bekerja sepanjang tahun, eloklah kita meluangkan masa sedikit untuk merehatkan minda kita dan sama-sama

4

kita bergembira dan memeriahkan Jamuan Tahunan RISDA pada malam ini.

Tahun 2009 telah menutup tirainya dan Alhamdulillah, banyak kejayaan telah dikecapi oleh RISDA pada tahun 2009. Syabas dan tahniah kepada semua warga RISDA dan saya berharap agar legasi kecemerlangan ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang serta sentiasa di suntik dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

## **2.0 TUJUAN JAMUAN TAHUNAN**

Majlis ini diadakan sebagai satu manifestasi penghargaan Pengurusan RISDA terhadap perkhidmatan, komitmen dan dedikasi Tuan-Tuan dan Puan-Puan kepada organisasi RISDA. Juga setinggi-tinggi penghargaan kepada para isteri dan suami warga RISDA yang telah sekian lama memberi dorongan dan sokongan padu kepada pasangan masing-masing dalam melaksanakan tugas di RISDA. Kata bestari, di sebalik kejayaan seorang lelaki itu ada seorang wanita dan begitulah juga disebalik kejayaan seorang wanita ada seorang lelaki.

Pertemuan pada malam ini juga boleh dijadikan sebagai wadah dalam merapatkan jalinan silaturrahim antara sesama warga kerja RISDA dan juga antara keluarga kita dan menjalin kemesraan sebagai satu keluarga besar RISDA.

### **3.0 TEMA JAMUAN TAHUNAN RISDA**

Tema Malam ini yang telah di pilih oleh Jawatankuasa Induk Jamuan adalah oren dan hitam. Malam yang diwarnai dengan kolaborasi oren hitam ini akan menjadi nostalgia yang sukar untuk dilupakan. Mengikut para pakar warna, oren demands attention dan melambangkan energy, warmth dan

7

cheerfulness dan stimulant – it stimulates emotion and appetite manakala hitam melambangkan prestij, sophistication, seriousness dan efficiency. Oleh itu pemilihan oren hitam ini menggambarkan warga RISDA yang bertenaga, ceria dan pada masa yang sama serius dan efisien dalam perkhidmatan dan menuju ke arah satu organisasi yang berprestij dan sophisticated di arena global. Tapi awas... warna oren juga stimulate emotions dan appetite! Walau bagaimana pun, Warga RISDA memang hebat dalam semua aspek, syabas dan tahniah kepada semua!

8

#### **4.0 PERSEMBAHAN**

Saya difahamkan bahawa malam ini ada banyak persembahan yang menarik yang hendak dipertontonkan kepada kita semua. Ada persembahan daripada Bahagian, Anak Syarikat dan juga Negeri. Mungkin juga terdapat pelbagai aksi yang tidak pernah kita lihat dilakukan oleh sesetengah pegawai atau staf yang bakal beraksi di pentas. Walau apa pun persembahan mereka, kita harus memberi pujian kepada mereka semua atas sikap 'sporting' yang ditunjukkan nanti.

Kita juga akan berpeluang untuk melihat persembahan bintang-bintang yang telah bersinar di RISDA.

9

#### **5.0 PENUTUP**

Sebelum saya mengakhiri ucapan ringkas ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA serta barisan Ahli Jawatankuasa yang telah bertungkus lumus bagi memastikan kejayaan dan kesempurnaan malam yang cukup bermakna ini. Teruskan usaha murni ini ke arah merapatkan ukhwah dan silaturrahim sesama kita. Enjoy yourselves tonight! Sebab esok Tuan-Tuan dan Puan-Puan akan berhadapan dengan tugas yang berat

untuk melaksanakan program-program yang dirancang untuk tahun 2010 iaitu Amanat Pengurusan 2010 yang akan disampaikan oleh Dato' Ketua Pengarah

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh.**